

MALAY SPEECH BY ASSOCIATE PROFESSOR MUHAMMAD FAISHAL IBRAHIM, PARLIAMENTARY SECRETARY FOR MINISTRY OF SOCIAL AND FAMILY DEVELOPMENT AT COMMITTEE OF SUPPLY 2017

Ayuh! Kita bangun Singapura sebagai tempat tinggal yang hebat untuk keluarga kita dan generasi akan datang

1. Sir, please allow me to begin my speech in Malay.
2. Pengukuhan keluarga sentiasa menjadi keutamaan Kementerian saya. Sejak beberapa tahun yang lalu, Kementerian saya telah melaksanakan beberapa langkah yang meluas untuk mengukuhkan institusi keluarga. Kami terus menyokong keluarga untuk mengharungi setiap peringkat kehidupan, dari peringkat sebelum berumah tangga kepada peringkat awal sebagai ibu bapa baru, hingga ke tahun-tahun mencabar membesarkan remaja. Sebagai contoh, kami telah meningkatkan cuti paterniti, atau kebapaan, dan memperkenalkan Langkah Pertama Akaun Pembangunan Kanak-kanak (CDA) untuk semua ibu bapa.
3. Sejak 2012, tempat penjagaan kanak-kanak telah meningkat lebih 40 peratus kepada kira-kira 140,000 tempat pada masakini. Kami akan terus menyokong keluarga yang mempunyai anak-anak kecil dengan menambahkan lagi 10,000 tempat di pusat-pusat penjagaan kanak-kanak, di estet-estet perumahan yang mempunyai ramai keluarga muda. Kami juga akan meningkatkan lagi sokongan bagi keluarga yang mempunyai bayi, dengan menambahkan tempat penjagaan bayi daripada 4,000 yang ada kini, kepada melebihi 8,000 pada tahun 2020.
4. Untuk menampung tambahan tempat penjagaan bayi dan kanak-kanak, kami akan meningkatkan usaha untuk menarik lebih ramai pekerja kepada sektor penting ini. Kami akan mencuba pendekatan latihan baru, untuk menarik individu yang berkebolehan dan berpengalaman untuk menjaga bayi. Kami juga akan menambah peluang kerjaya dan pembangunan bagi para profesional di sektor pembangunan awal kanak-kanak.
5. Kami juga akan memberi sokongan khusus buat kanak-kanak daripada keluarga yang memerlukan. Ini untuk memastikan bahawa mereka juga mendapat sokongan pembangunan awal kanak-kanak yang bermutu. Saya ingin berkongsi tentang perkembangan program perintis KidSTART yang kami lancarkan pada Julai tahun lalu.

6. Di bawah program perintis ini, kami bekerjasama dengan Pejabat Khidmat Sosial, Pusat Khidmat Keluarga, hospital and rakan-rakan masyarakat yang mengendalikan program KidSTART. Kami mengenal-pasti, mendekati dan kemudian memberi sokongan bersepadu kepada kanak-kanak dan keluarga ini. Sebagai contoh, para Pengunjung Rumah KidSTART sering mengunjungi ibu bapa yang mempunyai bayi, di rumah mereka, untuk mengongsi pengetahuan dan kemahiran tentang pembangunan, kesihatan dan pemakanan kanak-kanak.
7. Antara keluarga yang telah meraih manfaat dari program perintis ini ialah keluarga Puan Azlinah binte Jumali. Puan Azlinah adalah ibu kepada empat orang anak. Dua orang anaknya menghadiri pusat penjagaan kanak-kanak dan anak bongsunya pula akan didaftarkan di pusat penjagaan bayi. Menerusi program KidSTART, beliau lebih mengetahui tentang isu-isu pembangunan awal kanak-kanak. Puan Azlinah juga dapat bergaul dengan ibu-ibu lain yang menyertai program ini, serta mendapatkan bantuan untuk keperluan anak-anaknya. Inisiatif ini membawa kesan positif untuk pembangunan anak-anak dan juga kesejahteraan keluarga Puan Azlinah. Kami berharap KidSTART akan terus mencipta kejayaan-kejayaan seperti ini, buat ibu bapa dan anak-anak mereka.
8. Sejauh ini, lebih 300 orang kanak-kanak di kawasan Bukit Merah-Kreta Ayer, Boon Lay-Taman Jurong dan Geylang Serai yang dibantu program ini. Walaupun kami masih dalam proses melancarkan program perintis ini, kami teruja dengan kesan positifnya terhadap interaksi dan hubungan ibu bapa dengan anak-anak setakat ini.
9. Dalam tempoh terdekat ini, Agensi Pembangunan Awal Kanak-Kanak iaitu ECDA akan bekerjasama dengan badan-badan masyarakat untuk melancarkan lebih banyak lagi kumpulan-kumpulan bermain atau *community playgroup* di kawasan-kawasan program perintis KidSTART. Kami merancang untuk membantu 1,000 orang kanak-kanak melalui KidSTART dalam masa 3 tahun yang akan datang.
10. Keluarga adalah asas bagi pembangunan masyarakat dan merupakan tunggak sokongan utama untuk individu. Kami mahu menjadikan Singapura sebuah tempat yang hebat untuk membesarkan anak-anak dan membina keluarga. Kami juga akan berusaha sedaya upaya untuk terus menyokong keluarga melalui fasa-fasa hidup yang penting, terutama mereka yang memerlukan lebih sokongan untuk terus utuh dan kukuh. Saya menyeru rakyat Singapura untuk berganding bahu dan bekerjasama dengan kami untuk menjadikan Singapura sebagai tempat tinggal yang hebat untuk keluarga kita dan untuk generasi akan datang.